

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kesalahan yang timbul akibat penyalahgunaan media sosial adalah pelbagai dan tidak boleh dikawal selia melalui satu akta sahaja. Akta-akta sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM 1998), Kanun Keseksan dan Akta Hasutan 1948 adalah terpakai. Oleh yang demikian agensi-agensi penguatkuasa yang lain seperti PDRM turut memainkan peranan yang sama seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam menangani isu-isu yang timbul daripada penyalahgunaan media sosial.

Untuk makluman, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui SKMM sentiasa memantau dan mengambil tindakan terhadap masalah-masalah yang timbul berikutan penyalahgunaan media sosial dan kemudahan dalam talian.

Sebagai langkah lanjutan, Kementerian ini kini dalam proses meminda AKM 1998 bagi menambah baik rangka kerja kawal selia dan penguatkuasaan, termasuklah dalam membantu agensi-agensi penguatkuasaan lain menguatkuasakan undang-undang sedia ada terhadap kes-kes penyalahgunaan media sosial. Semakan semula perundangan sedia ada juga perlu diselaraskan supaya semua akta-akta yang berkaitan mampu diguna pakai secara lebih efektif dalam menangani isu penyalahgunaan media sosial.